

## **BAHAN SEMULAJADI LEBIH MESRA KULIT WAJAH**

Oleh: Nureen Humaira binti Mohd Azlan, 1171248

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

*Disiarkan pada 28 Mei 2020*



Kebergantungan terhadap produk kecantikan moden menyebabkan sebahagian besar wanita tidak memberi perhatian yang serius tentang kaedah penjagaan kulit wajah secara semulajadi.

Sebenarnya, penggunaan bahan semulajadi adalah lebih berkesan untuk menjadikan kulit wajah kelihatan lebih sihat dan berseri sekali gus meningkatkan keyakinan diri wanita terbabit ketika berdepan orang ramai.

Mungkin ramai wanita yang lebih gemar menggunakan produk kecantikan wajah yang dijual di pasaran kerana cara itu difikirkan lebih mudah dan menjimatkan masa.

Namun, sekiranya tidak berhati-hati, mereka terdedah kepada risiko penggunaan produk kosmetik beracun yang mengandungi bahan kimia berbahaya seperti hidrokuinon. Lebih-lebih lagi jika mereka tidak membaca maklumat bahan kimia yang dipaparkan pada produk.

Hidrokuinon yang lazimnya diadun dalam krim malam dan krim pemutih adalah sejenis racun yang menghakis dan merosakkan lapisan kulit wajah. Racun ini diharamkan di bawah Akta Racun 1952 kecuali di bawah kawalan doktor atau ahli farmasi.



Justeru, langkah terbaik bagi mencegah kerosakan kulit wajah akibat kesan bahan kimia berbahaya seperti hidrokuinon adalah dengan menggunakan bahan semulajadi yang mudah diperolehi dan tidak memerlukan kos yang tinggi.

Cara yang paling mudah adalah dengan menggunakan ais yang ditekapkan ke wajah. Kaedah ini berupaya meningkatkan pengaliran darah ke bahagian itu dan menjadikan kulit yang lesu kembali segar.

Selain itu, tomato boleh digunakan untuk menyegarkan dan mencerahkan kulit wajah serta memudarkan bintik hitam. Tomato juga berkesan bagi merawat masalah jerawat, jeragat dan kulit kusam.

Timun yang dikisar dan dicampur air boleh juga dijadikan pencuci muka semula jadi. Air yang dihasilkan dari timun membantu menghaluskan dan menegangkan kulit muka.

Akhir sekali, cecair dalam bunga mawar mengandungi vitamin A, C, dan E yang terbukti berkesan menyegarkan kulit wajah, membuatkan kulit terasa halus dan kenyal, serta menghapuskan bakteria yang menyebabkan jerawat.

Berdasarkan kepada maklumat yang dinyatakan sebelum ini, ternyata bahawa penggunaan bahan semulajadi adalah lebih berkesan untuk menjaga kulit wajah berbanding produk kosmetik moden.

Bahan-bahan semulajadi seperti timun dan tomato bukan sahaja mudah diperolehi, malah boleh dibeli dengan harga yang agak murah.

Bagi wanita yang berdepan masalah seperti kulit kering atau mengelupas selepas menggunakan produk penjagaan wajah moden, mereka digalakkan untuk beralih kepada bahan-bahan semulajadi yang menyegarkan dan tidak memudaratkan.